

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
KURSUS PENGUKUHAN KOMPENTESI SIRI 1 :
PERIHAL UNDANG - AKTA 173 & AKTA 605

26 MEI 2025 | ISNIN | 8.45 PAGI
DEWAN KULIAH 500 (DK 500)
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis



ALHAMDULILLAHI RABBI ALAMIN

WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL

ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI

WASOHBIHI AJMAIN

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan

UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Barisan Panel Pencermah;

Encik Mohd. Hafiz Ramlee

Pengarah Bahagian Integriti UiTM

dan

Dr. Ikmal Hisham Bin Md. Tah

Koordinator Undang-Undang

UiTM Cawangan Selangor

Tuan Puan, warga UiTM Cawangan Selangor, para peserta kursus yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan selamat datang kepada semua peserta ke **Kursus Pengukuhan Kompetensi Siri 1 Tahun 2025**.
2. Kehadiran anda adalah bukti komitmen yang tinggi dalam memahami dan memperkukuhkan pengetahuan berkaitan **Akta 173 dan Akta 605**.
3. Marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia-Nya kerana diberikan kesihatan untuk kita berkumpul pada hari ini.

4. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (BPSM) atas inisiatif penganjuran kursus ini bagi menyemarakkan lagi pembudayaan integriti dalam kalangan warga kampus.
5. Dalam persekitaran yang semakin mencabar, integriti bukan sahaja menjadi asas kepada kepercayaan dan kredibiliti, tetapi juga merupakan kunci kepada keberkesanan serta kejayaan sesebuah organisasi dan individu.
6. Oleh itu, amatlah penting bagi kita semua untuk sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai ketelusan, kejujuran, dan tanggungjawab dalam setiap tindakan kita terutama apabila kita menjalankan amanah yang diberikan oleh Universiti.

7. Sehubungan itu, dalam usaha memastikan keberkesanan tadbir urus serta kepatuhan kepada undang-undang berkaitan, pemahaman yang mendalam mengenai perundangan ini adalah amat penting.
8. Ia bukan sahaja memberikan panduan dalam melaksanakan tanggungjawab dengan telus dan berintegriti, tetapi juga membantu kita mengelakkan daripada sebarang pelanggaran yang boleh memberi implikasi kepada Universiti dan individu.
9. Saya berharap kursus ini akan menjadi platform yang berkesan untuk kita memperkasa pengetahuan serta berkongsi pengalaman dalam aplikasi undang-undang ini secara lebih praktikal.
10. Gunakan peluang ini untuk mengajukan soalan, bertukar pandangan, dan menyelami prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam kedua-dua

akta ini agar kita semua dapat melaksanakan tugas dengan lebih profesional dan bertanggungjawab.

11. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan kursus ini.

12. Semoga kursus ini dapat memberikan manfaat besar kepada setiap peserta dan mencapai matlamat yang diharapkan.

Burung merpati terbang ke hutan,
Hinggap sebentar di pohon jati,
Bekerja ikhlas penuh ketekunan,
Amalan mulia penuh integriti.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**